

**FAQ BERHUBUNG LAYANAN CUKAI KHAS KEPADA INSTITUSI KEWANGAN KE ATAS PEMBERIAN MORATORIUM (PENANGGUHAN BAYARAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN) KEPADA PELANGGAN**

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Siapakah yang layak mendapat layanan cukai khas ini?	Layanan cukai khas ini layak dituntut oleh semua institusi perbankan berlesen, institusi perbankan pelaburan berlesen, institusi perbankan Islam berlesen dan institusi kewangan pembangunan yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.
2.	Apakah jenis layanan cukai khas yang diberikan?	<p>Layanan cukai khas yang diberikan adalah berkaitan pendapatan faedah/keuntungan terakru yang mana pembayarannya tertangguh di dalam program moratorium tidak dianggap sebagai pendapatan kasar institusi kewangan bagi tempoh asas untuk tahun taksiran tersebut.</p> <p>Pendapatan faedah/keuntungan yang layak mendapat layanan cukai khas ini adalah pendapatan faedah/keuntungan terakru daripada pinjaman/pembiayaan yang terlibat dalam program moratorium di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) bermula 1 April 2020 hingga 30 September 2020.</p> <p>Pendapatan faedah/keuntungan terakru selepas tempoh moratorium dianggap sebagai pendapatan kasar bagi tempoh asas untuk tahun taksiran tersebut.</p>
3.	Apakah jenis pinjaman/pembiayaan yang diberikan kepada peminjam/pelanggan individu dan PKS yang layak mendapat layanan cukai khas ini?	<p>Semua jenis pinjaman/pembiayaan (kecuali kemudahan kad kredit) diberikan kepada peminjam/pelanggan individu dan PKS</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• di dalam denominasi Ringgit;</li> <li>• tidak mempunyai tunggakan selama lebih daripada 90 hari setakat 1 April 2020, dan</li> <li>• diberikan moratorium bermula 1 April hingga 30 September 2020.</li> </ul>

4.	Apakah yang dimaksudkan dengan individu dan PKS dalam konteks ini?	<p>Individu yang dimaksudkan adalah semua peminjam/pelanggan individu selain daripada SME.</p> <p>PKS yang dimaksudkan adalah berdasarkan definisi yang telah ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia.</p>
5.	Apakah jenis pinjaman/pembiayaan yang diberikan kepada peminjam/pelanggan korporat yang mendapat layanan cukai khas ini?	<p>Semua jenis pinjaman/pembiayaan diberikan kepada peminjam/pelanggan korporat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• di dalam denominasi Ringgit;</li> <li>• tidak mempunyai tunggakan selama lebih daripada 90 hari setakat 1 April 2020, dan</li> <li>• diberikan moratorium bermula 1 April hingga 30 September 2020.</li> </ul>
6.	Bagaimanakan pelaporan terhadap layanan cukai khas ini perlu dibuat kepada LHDNM?	<p>Pendapatan faedah/keuntungan terakru daripada portfolio moratorium hendaklah dilaporkan secara berasingan (separate account) mengikut rekod peminjam/pelanggan. Ini bertujuan untuk memastikan pelaporan pendapatan adalah teratur melalui semakan audit cukai yang akan dilakukan sekiranya perlu.</p>
7.	Adakah layanan cukai khas terpakai di dalam keadaan institusi perbankan menerima bayaran faedah/keuntungan terakru di dalam tempoh moratorium?	<p>Tidak. Apa-apa pendapatan faedah/keuntungan terakru yang diterima bayarannya oleh institusi perbankan di dalam tempoh moratorium dianggap sebagai pendapatan kasar bagi tempoh asas untuk tahun taksiran tersebut.</p>
8.	Apakah layanan cukai bagi peruntukan rosotnilai (impairment provision) berkaitan pinjaman/pembiayaan yang terlibat dengan moratorium?	<p>Peruntukan rosotnilai berkaitan pinjaman/pembiayaan yang terlibat dengan moratorium tidak dibenarkan tolakan cukai sepanjang tempoh moratorium diberikan.</p> <p>Layanan cukai peruntukan rosotnilai sebelum dan selepas tempoh</p>

		moratorium adalah berdasarkan layanan cukai sedia ada.
--	--	--